**PERMOHONAN RAYUAN DALAM TALIAN**




**1. MENU MyBR1M**

i. Pilih Menu MyBR1M
ii. Sila masukkan NO. KAD PENGENALAN
iii. Klik Butang LOG MASUK
iv. Soalan Keselamatan akan dipaparkan
v. Pemohon wajib menjawab 2 soalan keselamatan dengan betul sebelum dibenarkan masuk ke menu MyBR1M
vi. Soalan dan jawapan bagi Soalan Keselamatan adalah berdasarkan maklumat permohonan terkini yang diisi oleh pemohon
vii. Setiap soalan hanya dibenarkan 3 kali percubaan menjawab sahaja
viii. Jika jawapan yang diberikan masih salah dan 3 kali percubaan bagi setiap 3 soalan yang dijawab telah habis, peringatan berikut akan dipaparkan









**2. MENU RAYUAN**

i. Klik Menu RAYUAN

ii. Permohonan Rayuan BR1M 2018 secara dalam talian hanya dibenarkan bagi permohonan berstatus Tidak Lulus dengan satu (1) Kod Alasan Tidak Lulus seperti berikut:

| Kod Tidak Lulus | Alasan Tidak Lulus |
|---|---|
| 05 | Semakan rekod agensi / maklumat pada borang mendapati pendapatan isi rumah melebihi RM4,000 |
| 06 | Semakan rekod agensi / maklumat pada borang mendapati pendapatan melebihi RM2,000 |
| 07 | Pemohon disenaraikan sebagai penerima Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M) |
| 14 | Pendapatan bulanan isi rumah yang dilaporkan pada borang melebihi RM4,000 |
| 15 | Pendapatan bulanan yang dilaporkan melebihi RM2,000 |

iii. Selain Kod Alasan Tidak Lulus berkenaan atau pun melebihi satu kod alasan tidak lulus, peringatan berikut akan dipaparkan






**3. PERMOHONAN RAYUAN**

**BAHAGIAN A – MAKLUMAT PEMOHON**

i. Kemas kini maklumat jika perlu kecuali ruangan berikut:

- Nama
- No. MyKad
- Tarikh Lahir
- Umur
- Status Perkahwinan
- Pekerjaan

**BAHAGIAN B – MAKLUMAT SENDIRI / AHLI ISI RUMAH**

i. Ruangan WAJIB di kemas kini, amaun Pendapatan Kasar Bulanan (RM) (jika ada pindaan amaun). Jika tiada Pendapatan Kasar Bulanan (RM), sila isi “0”.

ii. Klik pada simbol jika ingin menghapuskan maklumat tanggungan yang telah diisi.

iii. Kotak mesej bagi pengesahan hapus maklumat tanggungan akan dipaparkan.

iv. Klik ‘OK’ jika pasti untuk hapus maklumat tanggungan dan MAKLUMAT SENDIRI / ISI AHLI RUMAH akan dipaparkan semula.

v. Jika klik pada ‘Cancel’, maklumat tanggungan akan dipaparkan semula dan proses hapus maklumat tanggungan batal.




**BAHAGIAN AM – LAMPIRAN**

i. Ruangan **LAMPIRAN** adalah **MANDATORI**. Jika tiada lampiran, maklumat pemohon tidak boleh di hantar atau di simpan.
ii. Tekan butang ***browse***, dan pilih fail untuk di muat naik.
iii. Sila tekan butang untuk **Muat Naik Dokumen** yang dilampirkan.
iv. Format Fail yang dibenarkan adalah **PDF/ PNG/JPG/JPEG**, selain fail berkenaan paparan adalah seperti dibawah.
v. Muat Naik Dokumen hanya **LIMA** dokumen sahaja dibenarkan, jika lebih seperti yang ditetapkan *pop up* mesej seperti di bawah









**4. BAHAGIAN C – MAKLUMAT WARIS**

1. Pemohon perlu memilih di **PILIHAN WARIS** sama ada *tick* pada **ADA** atau **TIADA** waris
2. Jika *tick* pada **ADA** waris pemohon **Maklumat Waris** akan dibuka dan wajib diisi.
3. Pemohon perlu pilih **Hubungan.** (cth : Pasangan, ibu, bapa, anak, adik-beradik atau cucu).
4. Maklumat waris akan dipaparkan secara automatik jika wujud maklumat pasangan / tanggungan di Bahagian B – Maklumat Sendiri / Ahli Isi Rumah.




5. Pilih **Jenis Pengenalan** dan masukkan no pengenalan waris.
6. **Nama waris** akan terpapar secara automatik jika data wujud di JPN. Jika tiada maklumat di ruangan ini, pemohon perlu mengisi secara manual.
7. Jika klik **TIADA** waris, ruangan di Bahagian C tidak perlu diisi.

**5. AKUAN PENGESAHAN**

1. Sila masukkan kod seperti yang dipaparkan pada ruangan **Kod Pengesahan** di sebelah kiri.
2. Klik butang **HANTAR**.



AKUAN PENGESAHAN

Saya : MOHAMAD BIN AHMAD

No. MyKad : xxxxxxxxxxxx

mengaku bahawa maklumat yang diberikan dalam borang ini adalah benar, betul dan lengkap.

1. Sekiranya saya didapati memberikan maklumat tidak benar atau palsu, saya boleh disabitkan kesalahan di bawah seksyen 193 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga (3) tahun dan boleh juga dikenakan denda serta disenaraihitam oleh Kementerian Kewangan Malaysia dari menerima BR1M.

2. Saya dengan ini memberi kebenaran untuk menyemak maklumat saya dengan agensi-agensi yang dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia bagi menentukan kelayakan BR1M 2018.

3. Semua maklumat yang dikemukakan dalam permohonan BR1M akan sepenuhnya menjadi hak milik kerajaan dan boleh digunakan untuk urusan atau program rasmi kerajaan.

☐ Saya bersetuju dengan terma dan syarat di atas *

SETUJU & HANTAR | TIDAK

**6. PAPARAN AKUAN PENGESAHAN**

1. Paparan seperti di atas dipaparkan.
2. Sila tandakan ruangan “Saya bersetuju dengan terma dan syarat di atas” jika bersetuju dan klik butang **SETUJU & HANTAR.**
3. Paparan seperti dibawah akan dipaparkan.
4. Klik butang **TIDAK** untuk kembali pada skrin permohonan sekiranya terdapat pindaan.

